

Kelebihan Berinovasi

Daripada Salman al-Farisi RA berkata kepada Rasulullah SAW:

كُنَّا بِفَارِسٍ إِذَا حُوصِرْنَا خَنَدَقْنَا عَلَيْنَا

Maksudnya: “Adalah kami di Farsi dulu apabila dikepung, kami membina parit-parit di sekeliling kami.”

Al-Hafiz Ibn Hajar menyebut dalam kitabnya *Fath al-Bari* (7/453) menaakalkan daripada Ashab al-Maghazi, antara mereka ialah Abu Ma'syar.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Inovasi adalah gagasan baru untuk menembusi kebuntuan dan kebekuan. Ketika cara-cara biasa tidak memberi hasil sesuai dengan harapan, diperlukan idea baru sebagai penyegar suasana. Caranya boleh mengubah langkah, mencari jalan baru, melibatkan lebih banyak unsur atau mencari pendekatan yang belum biasa dipraktikkan orang.
2. Dalam peperangan Ahzab, posisi kaum Muslimin tersepit. Ketika itu pakatan pasukan kafir Mekah dan sekutunya bergabung dengan kelompok Yahudi yang mengkhianati perjanjian damai dengan kaum Muslimin. Madinah dikepung dari segenap penjuru.
3. Ketika itu berlakunya dilema antara menghadapi pasukan kafir di luar Madinah atau bertahan di dalam kota. Ancaman kaum Yahudi yang masih berada di dalam kota menjadi alasan mengapa penyerangan keluar menjadi pilihan sukar. Dalam suasana itu, semua langkah yang diambil sama-sama berisiko tinggi.

4. Dalam keadaan itulah, seorang sahabat bernama Salman al-Farisi memberi cadangan. Cadangan itu adalah strategi perang yang asing dan tidak pernah dikenali bangsa Arab. Strategi itu hanya digunakan oleh bangsa Parsi yang berada di sebelah barat semenanjung Arab. Cadangan itu adalah menggali lubang di sekeliling kota hingga pasukan musuh tidak boleh menyerang. Setelah bermesyuarat cadangan yang ganjil itu diterima dan para sahabat bekerja keras menggali lubang.
5. Sebelum pakatan pasukan kafir sampai di kota Madinah, lubang itu sudah selesai digali. Ini kerana sudah dianggarkan bahawa lebar lubang itu tidak boleh dilepasi sekalipun dengan lompatan kuda yang paling kuat. Pasukan kafir akhirnya menunggu di sebelah lubang dan mendirikan khemah sambil memikirkan rancangan selanjutnya.
6. Pasukan pakatan ini gagal menyerang Madinah kerana pakatan mereka terpecah disebabkan operasi seorang sahabat yang menyusup ke tengah pasukan gabungan itu dan mengadu domba mereka.
7. Daripada hasil usahanya ini, akhirnya banyak kelompok menarik diri dari Madinah. Bilangan pasukan Quraisy yang masih berbaki dan bertahan terpaksa angkat kaki setelah diusir oleh angin puyuh yang memporak-perandakan tentera-tentera mereka. Di dalam kota, ancaman kaum Yahudi dihadapi dengan melibatkan kaum wanita dan anak-anak yang disuruh naik ke atap-atap rumah dengan dipersenjatai batu. Mereka diperintahkan berjaga-jaga bagi menghadapi serangan yang mungkin datang secara tiba-tiba. Dengan beberapa inovasi perang Khandak itu akhirnya dimenangi oleh kaum Muslimin.
8. Segala sesuatu akan selalu dan terus berubah. Di dunia ini tidak ada sesuatupun yang tidak berubah. Satu-satunya yang tetap adalah perubahan-perubahan itu sendiri. Oleh kerana itu, sesiapaupun yang tidak mempersiapkan diri untuk menghadapi perubahan maka dia akan ketinggalan dan ditinggirkan oleh perubahan itu sendiri.
9. Maka jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah SAW bahawa orang yang hari ini sama dengan hari semalam adalah orang yang rugi kerana tidak ada kemajuan dan ia ditinggalkan oleh perubahan. Orang yang hari ini lebih buruk dari hari semalam dianggap orang yang celaka kerana ia akan tertinggal jauh dan sukar mengejar apa yang ditinggalkannya.

10. Satu-satunya pilihan bagi orang yang beruntung ialah menjadikan hari ini mesti lebih baik dari hari semalam. Ini bermakna mesti ada penambahan sesuatu yang bermanfaat. Inilah sikap perubahan yang diharapkan selalu berlaku pada seorang Muslim sehingga tidak akan sekali-kali tertinggal, dia selalu bersiap sedia terhadap sebarang perubahan dan selalu bersedia mengambil dan menentukan sikap yang jelas terhadap apa jua perubahan.
11. Suatu perubahan yang baru terbentuk memerlukan kestabilan dan kekuatan. Keadaan itu perlu dipertahankan hingga memiliki daya tahan diri terhadap sebarang cabaran dan goncangan. Usaha untuk mendapatkan sesuatu yang baru ini disebut sebagai proses kestabilan.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Bacalah sejarah, fikirkan keajaiban-keajaibannya, renungkan keanehan-keanehannya, semak kisah-kisah dan khabar-khabarnya.
- ❖ **Pujangga berkata:** Terbaik-baik harta yang kamu miliki adalah yang memberi manfaat, seagung-agung ilmu yang anda miliki adalah yang mengangkat darjat, terbaik-baik rumah adalah yang memberi kebebasan, dan terbaik-baik sahabat adalah yang menasihatiimu.

Kisah Teladan

Beberapa tahun yang lalu, Harlan A. Howard membuat keputusan yang sama sekali mengubah hidupnya. Ia berjaya membuat pekerjaan yang membosankan menjadi menyenangkan. Sebelumnya ia memang mempunyai pekerjaan yang membosankan. Mencuci pinggan, menggosok meja kaunter pembayaran dan menyusun alat krim di suatu kafeteria sekolah menengah, sementara anak-anak lelaki yang lain bermain bola atau mengganggu kawan-kawan perempuan mereka. Ia mempelajari proses kimia yang terkandung dalam ais krim. Tidak lama kemudian ia menjadi kejutan dalam pelajaran kimia di sekolahnya itu. Sejak itu dia selalu berminat kepada ilmu kimia makanan.

Setelah lulus sekolah menengah dia menyambung pelajarannya ke Massachusetts State College dan mendalami bidang teknologi makanan. Ketika New York Cocoa Exchange menawarkan hadiah 100 dolar untuk esei terbaik mengenai penggunaan koko dan coklat dan pertandingan ini terbuka untuk-untuk pelajar pengajian tinggi. Siapakah agaknya yang memenangi hadiah seratus dolar tersebut? Tentu sahaja Harlan Howard.

Ketika Harlan Horward merasa sukar untuk mendapat pekerjaan, dia membuka sebuah makmal peribadi di ruang bawah tanah di rumahnya sendiri di 750 North Pleasant Street, Amherst, Massachusetts. Tidak lama selepas itu, telah diluluskan satu undang-undang baru, iaitu semua bakteria yang terdapat di dalam susu harus dihitung. Harlan A. Howard segera membuat kajian menghitung bakteria untuk empat belas perusahaan susu di Amherst. Dan dia terpaksa mengambil dua orang pembantu.

Di manakah dia sekarang? Sebagai seorang yang memiliki usaha besar dalam bidang ilmu kimia makanan, mungkin dia kini telah mengundurkan diri atau mungkin telah meninggal dunia. Dan perusahaannya digantikan oleh pewarisnya yang penuh semangat dan memiliki inisiatif. Sejak dua puluh lima tahun ini mungkin Harlan A. Howard merupakan seorang yang paling terkemuka dalam bidang teknologi makanan tersebut. Sementara itu rakan-rakan sekolahnya yang dahulu sering dilayaninya jika membeli ais krim mungkin hidup menganggur dan mengumpat kerajaan serta mengeluh tidak miliki kesempatan. Mungkin Harlan A. Howard juga tidak akan memiliki kesempatan maju jika ia tidak boleh membuat pekerjaan yang membosankan menjadi menarik dan menyenangkan.